

# **MANUSIA DAN BAHASA BUKTI KUKUH ADAM A.S TIDAK BEREVOLUSI DARI MAKHLUK SEBELUMNYA**

**Profesor Dr. Solehah Yaacob**

**Jabatan Bahasa Arab Dan Kesusasteraan**

**AHAS Kuliyyah Ulum Al Wahyu Dan Sains Kemanusiaan**

**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

Terdapat pertikaian di kalangan ahli akademik tentang kejadian Nabi Adam as. Pendapat yang percaya bahawa Nabi Adam as berevolusi dari makhluk yang sebelumnya telah terpengaruh dengan teori evolusi Charles Darwin di dalam buku beliau yang bertajuk '*The Origin of Species*' terbitan tahun 1859. Semenjak dari itu golongan yang percaya pada teori ini telah cuba mengangkat teori evolusi sebagai satu propaganda untuk menghidupkan kembali kajian sains tentang manusia tanpa berpandukan kitab suci. Walaupun pada hakikatnya Darwin sendiri tidaklah berapa serius tentang perkara ini. Namun pada pertengahan kurun ke 20 muncul beberapa individu yang cuba menghidupkan kembali teori ini walapun ditentang oleh beberapa pihak yang lain. Antara mereka yang cuba mempertahankan teori ini adalah Profesor Dr Richard Dawkins seorang ahli Biologi yang berfikiran Atheis merupakan seorang professor New College, Oxford. Beliau juga telah menulis beberapa buku tentang ketidakwujudan Tuhan antara buku-bukunya yang mendaulatkan teori evolusi secara tak langsung menafikan kewujudan Tuhan ialah '*Why There is No God*', '*The God Delusion*' dan '*How to Prove God Does Not Exist*' merupakan buku-buku terlaris di pasaran antarabangsa. Bertitik tolak dari sini maka menjadi kewajipan bagi setiap muslim yang beriman kepada Tuhan yang satu iaitu Allah SWT membongkar rahsia yang terdapat di dalam al-Quran. Di mana Al Quran dengan jelas memberitahu bahawa Nabi Adam as bukanlah berevolusi dari makhluk sebelumnya. Untuk

menganalisis maksud yang terdapat di dalam ayat-ayat Al Quran memerlukan pemahaman kaedah Nahu, Sorof dan Semantik bahasa Arab yang mendalam. Ini kerana tanpa kemahiran ilmu-ilmu tersebut hanya berdasarkan terjemahan al-Quran, ia tidak mampu mengungkap maksud sebenar ayat-ayat tersebut. Oleh itu metod kajian terhadap tajuk yang dikemukakan perlulah bersifat analisis text. Justeru kertas kerja kecil ini diharap dapat memberi meklumat asas kepada para pembaca khususnya kepada mereka yang tidak mempunyai asas kefahaman bahasa Arab secara analitik.

## PEMBUKTIAN ADAM AS MAKHLUK YANG TIDAK BEREVOLUSI DARI MAKHLUK SEBELUMYA

Surah Al-Baqarah ayat 30 dan 31 telah membongkar rahsia siapakah Adam as dan bagaimana bentuk kejadiannya serta proses penerimaan maklumat yang dilalui olehnya:

﴿وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِي الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ اِنِّيْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ۝۳۱﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Aku hendak menjadikan khalifah di bumi.” Mereka berkata, “Apakah Engkau hendak menjadikan orang yang merusak dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan menyucikan nama-Mu?” Dia berfirman, “Sungguh, Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.

Perkataan **جَاعِلٌ** bermaksud kata nama yang mempunyai maksud kata kerja semasa ( Fiil Mudharik = present tense), **اَتَجْعَلُ** penggunaan **ا** yang digunakan oleh Malaikat bermakna makhluk yang sedang dijadikan oleh Allah SWT sebagai khalifah itu belum selesai. Sekiranya makhluk itu sudah selesai dijadikan maka Malaikat akan menggunakan perkataan **هَل** yang memberi maksud untuk perbuatan yang sudah lepas ( Fiil Madhi = past tense). Perkataan **اَتَجْعَلُ** merupakan perbualan yang berada di kedudukan pertama tanpa dihalang oleh pihak ketiga. Perbualan antara kedua-dua belah pihak ini telah berlaku secara langsung atau disebut sebagai (face to face). Penggunaan *fi`il amar* jika

ditelusuri kaedah nahu Arab terdapat kekuatan dalam perbualan itu memandangkan laras bahasa yang digunakan ialah arahan. Dalam mana-mana bahasa di dunia, unsur arahan (*command*) (<http://www.yourdictionary.com/command>) bukanlah tafsiran atau maksud perkataan yang telah diubah suai. Tambahan pula, dalam perbualan tersebut terdapat laras bahasa pertanyaan *أَتَجْعَلُ* yang bermaksud “Mengapa Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensuci-Mu?” Maka jawapan Allah kepada malaikat yang bertanya ini “Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”. Dilihat dari sudut linguistik, perbualan ini ternyata telah berlaku dalam bahasa Arab Fushah memandangkan penggunaan nahu dan *sorof* yang cukup tepat maksudnya, penggunaan hamzah *أ* sebagai tanda soal sesuai digunakan pada persoalan tersebut. Jika dianalisis penggunaan hamzah *أ* itu tepat berbanding dengan penggunaan *hal* *هل* ini kerana penggunaan *أ* menghasilkan makna nahu yang lebih tepat. Hal ini seperti yang disebut oleh Sibawaih (1999), penggunaan hamzah *أ* bermaksud menafikan *isbaat* keadaan semasa atau yang wujud pada ketika itu, iaitu Allah SWT menciptakan makhluk yang melakukan pertumpahan darah, namun penciptaan makhluk yang baharu ini adakah bakal menumpahkan darah juga! Penggunaan hamzah *أ* menafikan perkara yang sama akan berlaku kepada makhluk yang baharu ini. Bagi memperkuat lagi maksud penggunaan hamzah *أ* ini dalam laras bahasa pertanyaan, contoh lain dari *Surah al-A'raf* ayat 28 ( *أَتَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ* ) juga memberi maksud yang sama, iaitu pertanyaan yang menafikan keadaan atau dalam bahasa mudahnya pertanyaan memerli. Adapun Ibn Hajib (1986) dalam kitabnya *al-Idhah Fi Sharh al-Mufassal Li Zamakhshari`* menegaskan lagi bahawa penggunaan *hal* *هل* tidak sesuai pada ketika ini, memandangkan perkataan itu membawa makna *قد* yang menunjukkan sudah berlaku atau pasti sudah berlaku. Contoh selain daripada al-Quran ( *هل زيدا ضربت* ) sama maksudnya ( *قد* ) ( *زيداً ضربت* ) yang bermaksud telah, iaitu “sesungguhnya kamu telah memukul Zaid”. Oleh itu,

penggunaan hamzah ا adalah tepat kerana perkataan itu bukan bermaksud untuk mengiakan apa-apa yang telah berlaku tetapi menafikan *isbaat* yang telah berlaku. Manakala مَنْ يُفْسِدُ di sini bukan bermaksud orang bahkan bermaksud makhluk yang berdiri di atas dua kaki iaitu mempunyai bentuk fizikal seperti manusia tetapi tidak kejadian yang terbaik (not the best creation). وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ huruf وَ menunjukkan sandaran kepada perkataan يُفْسِدُ yang bermaksud makhluk yang disebut sebagai مَنْ itu (lihat Al-Alusi Al-Baghdadi, 1974). Proses kejadian Adam a.s masih lagi tidak sempurna, justeru Allah datangkan ayat 31 dari surah Al Baqarah:

﴿وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

Maksudnya: Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: `Terangkanlah kepada Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar`.

(Al-Baqarah ayat 31)

عَلَّمَ *fiil madhi muta`ddi* yang kuat ataupun perkataan transitif yang menerima dua *mafuulun bih*, iaitu آدم, `الأسماء` dan كَلَّهَا pula merupakan tawkid kepada `الأسماء`, manakala Allah SWT pembuatnya atau pencipta dalilnya عَلَّمَ *fiil domir mustatir taqdirnya* هو menurut as-Shalubaini pembuat atau *fa`il* pada perkataan عَلَّمَ ialah Allah SWT (Ibnu Hajib, 1998, Jilid 1, hlm. 181-182). Selepas mengajar Nabi Adam maka عَرَضَهُمْ *fa`il* atau pembuat untuk عرض juga Allah, iaitu *domir mustatir taqdirnya* هو, هُمْ pula *mafulun bih* yang kembali kepada آدم, الأسماء dan كَلَّهَا. Adam آدم mengikut ahli tafsir mempunyai beberapa makna antaranya pertama; merupakan *isim ajam* dari *wazan* فاعل, kedua; diambil dari perkataan الأدمة, ketiga; diambil dari perkataan الأرض, keempat; mengikut at-Tabari berasal dari *fi`il* رباعي seperti أكرم (Ibid, Jilid 1, hlm. 181-182). Perkataan فَقَالَ, pembuatnya atau *fa`il* ialah Allah, *fi`il* tersebut juga dalam

keadaan *domir mustatir taqdirnya* هو `أنبؤني` *fi`il amar jama`* ditujukan terhadap malaikat yang bermaksud “terangkanlah kepada Ku wahai malaikat”. نى ialah *nun wiqayah* dalam keadaan *mafulun bih* bermaksud `Aku`. `أسماء` nama-nama yang telah diajarkan kepada Nama Adam dibaca baris di atas, iaitu berada dalam keadaan *mafulun bih*, manakala إن كنتم صادقين jawabnya *mahzuf*, iaitu *taqdirnya* إن كنتم صادقين فأنبؤني . Seterusnya surah al Alaq menerangkan tentang proses kejadian manusia

﴿إِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ، اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ، عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ﴾

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yg menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Al-Alaq ayat 1-5)

`إقراء` *fi`il amar* yang memberi makna memberi arahan supaya membaca, *fi`il* nya ialah *domir mustatir taqdirnya anta*, iaitu kembali kepada nabi Muhammad SAW. Huruf الباء di sini mempunyai tiga pandangan pertama; الباء menunjukkan keadaan, kedua; الباء menunjukkan keadaan tambah, ketiga; الباء menunjukkan keadaan *isti`anah*, iaitu bantuan, ditaqdirkan *mafulnya mahzuf taqdirnya* اقراء ما يوحى إليك مستعينا باسم ربك (Ibid, Jilid 6, hlm. 546) yang memberi makna “bacalah apa yang diwahyukan ke atas kamu dengan bantuan Allah Taala”. Sekali lagi disebut bahawa manusia itu dijadikan daripada tanah `علق` , kemudian disebut وربيك الأكرم الذي علّم yang memberi makna Tuhanmu semulia-mulia keadaan yang mengajar kamu dengan *kalam* (penulisan) terhadap benda-benda yang tidak diketahui oleh kamu. Ayat الذي علّم بالقلم disebut selepas kejadian manusia menjelaskan bahawa kejadian manusia dan ilmu pengetahuan merupakan dua benda yang diperlukan untuk membentuk insan yang sempurna.

## TAKRIF BAHASA

Ahli-ahli sejarah percaya bahawa tiada bukti yang dijumpai tentang artifak bertulis seperti dakwaan kebanyakan buku tafsir yang mengatakan bahawa Nabi Adam a.s pernah menulis di atas tanah-tanah liat dan mengukir kalimah لا إله إلا الله . Namun begitu, kenyataan-kenyataan tersebut tidak dapat dibuktikan. Oleh itu, tidak diketahui bahasa yang telah dipertuturkan dan digunakan untuk berkomunikasi ketika itu. Alasan yang diberikan oleh mereka ialah bukti penulisan dan ukiran yang ditulis atau dipahat telah hilang akibat banjir besar Nabi Nuh a.s. Sekiranya bukti yang berbentuk material yang dicari untuk dianalisis, maka sudah pasti tidak wujud. Namun begitu, masih ada sesuatu yang lebih bernilai daripada material yang dikehendaki, iaitu al-Quran dan Hadis. Mengapakah terlalu jauh kita terpesong mencari bukti-bukti penggunaan bahasa yang digunakan sebelum Nabi Nuh a.s. walhal al-Quran dan Hadis setiap hari bersama kita! Sebagaimana firman Allah SWT dalam *Surah Yusuf* (12:2)

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Perbincangan tentang bahasa terawal manusia menjadi isu hangat. Ini disebabkan perubahan data genealogi yang telah dibongkar oleh Dr. Maurice Bucaille. Hal ini disebabkan genealogi manusia yang ada sekarang ini telah dicanai dan diubah. Oleh itu, untuk membicarakan bangsa yang wujud dan bahasa yang gunakan ketika itu, maka analisis perlulah melalui proses penelitian *lingua revolution* atau revolusi bahasa. Revolusi bahasa merupakan percaturan penggunaan bahasa tertentu berdasarkan pemikiran umat ketika itu yang berlandaskan kepada tamadun. Oleh sebab “lidah” merupakan organ utama dalam mengucapkan sesuatu bahasa maka perkataan *lingua* diguna pakai untuk menunjukkan bahasa pertuturan yang berpengaruh

pada waktu itu. Sebagai contohnya ahli sejarah telah mengiktiraf bahasa Aramaik sebagai *lingua franca* pada ketika itu. *Merriam Webster Dictionary* telah mentakrifkan *lingua franca* ialah *a language that is used among people who speak various different languages*. *Revolusi lingua* sebaliknya ialah istilah yang dicipta oleh penulis sendiri untuk merujuk fenomena perubahan dalam masyarakat yang telah melalui proses penyerapan idea, konsep atau kepercayaan baharu dalam komuniti melalui peradaban bahasa. Perubahan ini mungkin berlaku melalui proses enkulturasi akibat daripada masyarakat yang menghadapi bahasa asing yang dianggap berasal dari tamadun yang unggul atau proses indoktrinasi oleh agama langit. Perubahan ini diperhatikan berlaku sepanjang sejarah manusia dan terus berlaku di seluruh dunia. Rasional untuk memilih terminologi merujuk fenomena perubahan ini ialah revolusi bahasa tidak terbatas pada domain kognitif minda manusia dan tamadun bahkan meliputi agama atau kepercayaan, politik, sosial dan ekonomi.

Pentakrifan bahasa antara Islam dengan Barat mungkin ada perbezaan apabila ulama Islam membahagikan bahasa kepada dua peringkat; bahasa yang diperoleh hasil daripada wahyu dan bahasa yang diperoleh hasil daripada konvensyen atau disebut sebagai persetujuan para ulama atau bijak pandai untuk memberi nama atau panggilan kepada sesuatu benda atau perbuatan.

Ibn Faris (t.t) menyebut:

إِنَّ لُغَةَ الْعَرَبِ تَوْقِيفٌ. وَدَلِيلُ ذَلِكَ قَوْلُهُ جَلَّ ثَنَاؤُهُ: { وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا } ۱ فَكَانَ ابْنُ عَبَّاسٍ يَقُولُ: عَلَّمَهُ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا وَهِيَ هَذِهِ الْأَسْمَاءُ الَّتِي يَتَعَارَفُهَا النَّاسُ مِنْ: (إِنْسَانٍ)، وَدَابَّةٍ، (وَسَّمَاءٍ)، وَأَرْضٍ، وَسَهْلٍ، (وَبَحْرٍ)، وَجَبَلٍ، وَحِمَارٍ، وَأَشْبَاهِ ذَلِكَ مِنَ الْأُمَمِ وَغَيْرِهَا.

Terjemahan: Sesungguhnya bahasa Arab sumbernya adalah tauqifi (yakni daripada syarak). Dalilnya ialah firman Allah SWT: `Dan Dia (Allah) telah mengajar Adam nama-nama (benda) kesemuanya`. Berkata Ibnu Abbas (dalam mentafsirkan ayat ini): Dia (yakni Allah) telah mengajar kesemua benda-benda yang maklum di sisi manusia yang terdiri daripada (manusia), haiwan yang melata, (langit), bumi, tanah rata, (laut), gunung-ganang, keldai dan contoh-contoh seumpamanya samada umat manusia atau lainnya.

Adapun Ibn Jinni (1952) , murid kepada Ibn Faris pula berpendapat bahawa kebanyakan ulama melihat bahasa merupakan satu bentuk identiti yang dibentuk oleh konvensyen atau permesyuaratan sejagat oleh ahli-ahli bijak pandai:

هَذَا مَوْضِعٌ مُخَوِّجٌ إِلَى فَضْلِ تَأْمَلِ عَيْرَ أَنَّ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّظَرِ عَلَى أَنَّ أَصْلَ اللُّغَةِ إِنَّمَا هُوَ تَوَاضَعٌ وَاصْطِلَاحٌ لَا وَحْيٌ وَ  
(لَا) تَوْقِيفٌ "

Terjemahan: Ini adalah objek (subjek) yang perlukan kepada perhatian yang besar sedangkan kebanyakan ahli fikir berpendapat bahawa asal usul bahasa hanyalah melalui persetujuan dan penetapan manusia bukannya bersumberkan wahyu dan bukan juga penetapan daripada syarak.

Beliau menambah lagi:

وَذَهَبَ بَعْضُهُمْ إِلَى أَنَّ أَصْلَ اللُّغَاتِ كُلِّهَا إِنَّمَا هُوَ مِنَ الْأَصْوَاتِ الْمَسْمُوعَاتِ كَدَوِيِّ الرِّيحِ وَحَنِينِ الرَّعْدِ وَخَرِيرِ الْمَاءِ  
وَشَحِيحِ الْحِمَارِ وَنَعِيقِ الْعُرَابِ، وَصَهِيلِ الْفَرَسِ وَنَزِيْبِ الطَّيْرِ وَنَحْوِ ذَلِكَ. ثُمَّ وُلِدَتِ اللُّغَاتُ عَنْ ذَلِكَ فِيمَا بَعْدُ. وَهَذَا  
عِنْدِي وَجْهٌ صَالِحٌ وَمَذْهَبٌ مُتَقَبَّلٌ.

Terjemahan: Seseengah ahli fikir berpendapat bahawa asal usul semua bahasa adalah daripada bunyian yang didengar seperti desiran angin, dentuman guruh, kericik air, ringkikan keldai, gauan gagak, ringkikan kuda, lenguhan kijang dan selainnya. Kemudian terlahirlah bahasa dari hasil bunyian-bunyian tersebut. Bagi saya, ini adalah alasan yang layak dipertimbangkan dan pandangan yang boleh diterima.

Kenyataan ini amat menyerupai kenyataan Aristotle (1971) dalam *De Interpretatione* yang beranggapan bahawa bahasa terhasil daripada konsep konvensyen;

*"I say `by convention` because no name is a name naturally but only when it has become a symbol. Even inarticulate noises (of beasts, for instance) do indeed reveal something, yet none of them is a name"*

Bermaksud: (*Saya katakan ia adalah `konvensyen` kerana tiada nama dalam bentuk semula jadi tetapi yang wujud hanyalah simbol. Bahkan bunyi yang tidak jelas sebutannya (misalnya bunyi serangga) memang mengungkapkan sesuatu, namun tidak satu pun dari mereka adalah nama).*)

Daripada kenyataan tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sesuatu yang terhasil secara semula jadi itu tidak bernama, bunyi yang terbit secara semula jadi itu terhasil apabila terdapat tekanan atau desakan. Cuba kita telusur pula pendapat Barat bahawa bahasa pertuturan dan penulisan pada asalnya ialah sesuatu yang tidak dapat dikira, kemudian sistem dicipta untuk membolehkan bahasa itu diguna pakai dalam bentuk yang terkategori atau finit. Oleh itu, konsep tatabahasa berperanan menyusunnya seperti yang telah disebut oleh Noam Chomsky (1957) dalam bukunya *Syntactic Structures*:

*`From now on, I will consider a language to be a set (finite or infinite) of sentences, each finite in length and constructed out of a finite set of elements. All-natural languages in their spoken or written form are languages since each language has a finite number of phonemes (or letters in its alphabet), and each sentence is representable as a finite sequence of these phonemes (or letters). However, there are infinitely many sentences`.*

Bermaksud: (*Bagi saya bahasa merupakan satu set atau rangkuman yang terbatas dan tidak terbatas. Yang mana set rangkuman ini telah terhasil dari pembentukan secara semula jadi bahasa itu sendiri sama ada dalam bentuk lisan atau simbol dalam penulisan. Ini terjadi kerana setiap bahasa mempunyai jumlah fonem yang terhad iaitu huruf dalam abjad. Namun fonem ini boleh menjadi tak terhingga (infinite) apabila berlaku penggabungan suku kata di antara fonem-fonem tersebut, hasilnya adalah ketidakterbatasan dalam ciptaan perkataan atau kalimah berlaku)*)

Oleh itu jika dilihat takrifan bahasa daripada kedua-dua pendapat ini, pembahagian konsep takrifan bahasa dalam Islam boleh dibahagikan kepada bahasa yang terhasil daripada kata-kata Tuhan dan bahasa yang terhasil daripada kata-kata yang telah dicipta oleh manusia. Barat pula melihat konsep bahasa dalam bentuk yang lebih berfokus kepada pembentukan perkataan. Pandangan agak sempit apabila bahasa itu ditakrifkan hanya berdasarkan sesuatu teknik pembuatan yang tidak disusuli oleh falsafah ketuhanan atau dalam erti kata lain terlalu bersifat materialistik atau *maddi*. Namun begitu, tidak semua masyarakat barat melihat perkembangan bahasa itu bersifat materialistik yang terbentuk hasil dari simbol tertentu. Bagi Noam Chomsky seorang ahli falsafah barat percaya bahawa konsep bahasa ini mempunyai kaitan dengan pemikiran, baginya bahasalah yang dapat menggambarkan pemikiran seseorang manakala tulisan pula hanyalah simbol yang bertugas sebagai penterjemah terhadap perkataan yang diucap, di mana kesemuanya ini berlaku melalui proses pemikiran seperti yang disebut oleh Aristotle (1971);

*Now spoken sounds are symbols of affections in the soul, written marks are symbols of preferences in the soul, and registered marks are symbols of spoken sounds. And just as registered marks are not the same for the men, neither are spoken sounds. But these are in the first place, signs of -affections of the soul- are the same for all, and what these affections are likenesses of - real things – are also the same. These matters have been discussed in work on the soul and do not belong to the present subject.*

Bermaksud: (Kata-kata lisan adalah simbol pengalaman mental dan kata-kata bertulis adalah simbol kata-kata yang diucapkan. Sama seperti semua orang tidak mempunyai tulisan yang sama, jadi semua orang tidak mempunyai suara yang sama, tetapi pengalaman mental yang secara langsung melambangkan bahasa, adalah sama untuk

semua, ia juga adalah perkara-perkara yang melambangkan pengalaman kita dalam bentuk gambar dan simbol).

## PROSES KEJADIAN ADAM AS DALAM AYAT AL-QURAN

Abu Fida` (t.t) dalam bukunya *al-Mukhtasar fi Akhbar al-Bashyar* telah menceritakan kejadian sebelum ditiup roh ke dalam jasad Nabi Adam a.s.. Sesungguhnya Nabi Adam a.s telah dijadikan daripada tanah yang kenali sebagai *Adim*. Sesudah Allah SWT menciptakan jasad Nabi Adam a.s. maka dibiarkan selama empat puluh malam atau pendapat lain mengatakan empat puluh tahun. Selepas itu ditiupkan roh ke jasad Nabi Adam a.s. ini. Perbuatan ini telah dirakamkan oleh Allah SWT dalam *Surah as-Sad* (38:72-77):

﴿فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ (72) فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ (73) إِلَّا إِبْلِيسَ اسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ (74) قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِإَيْدِي ۗ أَسْتَكْبَرْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالِينَ (75) قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِمَّنْ خَلَقْتَنِي مِنْ نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ (76) قَالَ فَاخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿ (77)﴾

Maksudnya: (Setelah selesai kejadian Adam) maka sujudlah sekalian malaikat semuanya sekali, (73) Melainkan Iblis; ia berlaku sombong takbur (mengingkarinya) serta menjadilah ia dari golongan yang kafir. (74) Allah berfirman: "Hai Iblis! Apa yang menghalangmu daripada turut sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu? Adakah engkau berlaku sombong takbur, atau engkau dari golongan yang tertinggi?"(75) Iblis menjawab : "Aku lebih baik daripadanya; Engkau (wahai Tuhanku) ciptakan daku dari api, sedang dia Engkau ciptakan dia dari tanah ". (76) Allah berfirman : "Kalau demikian keluarlah engkau daripadanya (syurga) kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang diusir ". (77)

Ayat tersebut telah menyebut bahawa manusia pertama ialah Nabi Adam a.s. yang telah dipersoalkan oleh Iblis terhadap kejadiannya kerana dicipta hanyalah daripada tanah, sedangkan Iblis pula daripada api. *Surah al-A'raf* (7:12) juga telah merakamkan suasana pertikaian ini:

﴿قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۗ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِمَّنْ خَلَقْتَنِي مِنْ نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ﴿﴾

Bermaksud: Allah berfirman: "Apakah yang menghalangimu untuk bersujud ketika Aku perintahmu?" Menjawab iblis "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedangkan dia Engkau jadikan dari tanah".

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Nabi Adam a.s. dimusuhi dan dibenci oleh Iblis itu ialah Homo sapiens yang pertama di atas muka bumi dan bukannya Homo erectus dan yang seangkatan dengannya (dikenali sebagai binatang yang pupus). Oleh sebab kejadian manusia itu unik maka proses kejadiannya berbeza dengan Homo erectus, binatang atau makhluk-makhluk yang lain. Kenyataan ini turut telah dirakamkan dalam beberapa surah al-Quran bersesuaian dengan firman Allah Ta'ala dalam *Surah al-Hijr* 15:26-29:

﴿وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمِإٍ مَسْنُونٍ، وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلِ مِنْ نَارِ السَّمُومِ، وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ حَمِإٍ مَسْنُونٍ، فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوْحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) berasal dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah yang kental yang berubah warna dan baunya.(26) Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu roma (27) Dan (ingatkanlah peristiwa) tatkala Tuhanmu berfirman kepada malaikat : "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warnanya dan baunya" (28) "Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya" (29).

Dari sudut bahasa pula *حَمِإٍ مِنْ* memberi makna tanah yang keras disebut juga *الطين المبرتن*, berada dalam keadaan *جار* merupakan sifat *صلصال*. *الجان خلقناه*. Jin itu juga ditafsirkan sebagai makhluk Allah, ketua segala jin ialah Iblis seperti Nabi Adam a.s bapa segala manusia. Kemudian Allah berfirman kepada malaikat *إِنِّي*. Menurut Al-Anbari (1998), di sini terdapat penggunaan peneguhan (*taukid*) menandakan sesungguhnya aku dan tidak lain adalah pencipta *خالق* - dalam bentuk *isim faa'il*. Selepas itu, ayat ini disambung dengan *فإذا* menunjukkan

proses seterusnya, iaitu *سَوِيْتَه* ` Aku sempurnakannya sebagai manusia, manakala *الْهَاء* ` bermaksud *صَالِصَال* ` , iaitu tanah liat yang kering. Maka berlakulah proses peniupan roh, digunakan *fiil madhi* yang diisnadkan kepada *domir mutaharrik muttasil*, iaitu *ث* pada *نَفَخْتُ* ` yang bermaksud Aku tiupkan padanya roh dari ciptaan-Ku, maka sujudlah kamu kepadanya, di sini terdapat penggunaan *fiil al-amr* *قَعَوَا* ` *waw jama* ` yang bermaksud malaikat-malaikat memberi makna kesemua malaikat tunduk dan sujud kepada Allah.

*بَشَرًا* ` disebut sebagai manusia (Adam a.s), dibaca baris di atas menandakan dalam keadaan *maf'ulun bih*, iaitu yang diciptakan. *مِنْ طِينٍ* mempunyai kaitan dengan kejadian manusia *كَلِمَهُمْ أَجْمَعُونَ* ` . (بَشَرًا) disebut sebagai *badal kul min kul* yang memberi makna kesemua malaikat tunduk kepada Nabi Adam (a.s). Di sini terdapat dua kata penguat, Zamakhshari (1998) berpendapat bahawa kesemua malaikat sujud dalam waktu yang sama. Perkataan *لَا* ` menunjukkan terdapat unsur penafian, iaitu iblis tidak sujud kepada Nabi Adam A.S disebabkan itulah mereka tergolong dalam kalangan bangsa yang kufur. Mereka mendakwa bahawa bangsa mereka lebih mulia daripada Nabi Adam (بَشَرًا) kerana dicipta daripada api, *أَنْ* *لَمَّا تَسْجُدْ* ayat ini menunjukkan bahawa iblis tidak sujud terhadap Nabi Adam a.s seperti disebut dalam *Surah al-A'raf*, ayat 12 *أَنْ لَا تَسْجُدَ* ` . *اسْتَكْبَرَتْ* . *أَنْ لَا تَسْجُدَ* ` bacaan yang biasa ialah disebut *hamzah istifham*, dikenali sebagai *istifham taubih*, cara bacaan ini dipersetujui oleh *jumhur* dan Ibn 'Atiyah.

## PROSES KEJADIAN ANAK-ANAK ADAM AS DALAM AYAT AL-QURAN

Secara semula jadi manusia merupakan orang yang beriman kepada Allah ini telah dibuktikan melalui firmanNya dalam *Surah al-A'raf* 7:172:

﴿وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ، قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari tulang belakang mereka, dan ia jadikan saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu? " Mereka semua menjawab : "Benar (Engkaulah Tuhan kami) ". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak : " Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Al-Quran ada menyebut bahawa manusia terbentuk hasil daripada percantuman antara air benih lelaki dengan wanita. Beberapa ayat memperkatakan tentang penciptaan manusia daripada setitik air mani, dan ada juga ayat yang menyatakan bahawa “makhluk” yang terhasil daripada percantuman itu akan hidup selepas enam hari percantuman antara benih lelaki dengan telur wanita. Al-Quran juga menyebut bahawa air mani bertukar menjadi seketul darah beku (*Blastocyst*) yang hidup atau yang keguguran. Darah beku ini lama-kelamaan akan membesar dan bernyawa dikenali sebagai embrio. Embrio yang sedang membesar disifatkan sebagai manusia ketika berumur 40 hari hingga 42 hari. Ketika itu embrio manusia tidak lagi terbentuk seperti embrio binatang kerana kejadian manusia selepas itu berperingkat-peringkat, seperti firman Allah Ta'ala di dalam *Surah Nuh* 71:13-14:

﴿مَا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا، وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَرَ﴾

Maksudnya: "Mengapa kamu berkeadaan tidak menghargai kebesaran Allah (dan kekuasaanNya), -(13) Padahal sesungguhnya Ia telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat? "(14).

﴿يَخْلُقُكُمْ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ خَلْقًا مِّنْ بَعْدِ خَلْقٍ فِي ظُلُمَاتٍ ثَلَاثٍ﴾

Maksudnya: Ia menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), kemudian Ia menjadikan daripadanya isterinya (Hawa); dan Ia mengadakan untuk kamu binatang-binatang ternak dengan lapan ekor: (empat) pasangan (jantan dan betina). Ia menciptakan kamu dalam kandungan ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian ke satu kejadian. Dalam tiga suasana yang gelap. Yang demikian (kekuasaannya) ialah Allah Tuhan kamu, baginya kekuasaan yang mutlak; tiada Tuhan melainkan Dia; oleh itu bagaimana kamu dapat di pesongkan (dari mematuhi perintah Nya)?

(*Surah al-Zumar* 39:6)

Kesimpulannya, al-Quran menegaskan kejadian manusia itu terbahagi kepada dua unsur: unsur jasmani dan unsur rohani (Haron Din dan Rakan-Rakan, 1985). Unsur jasmani yang diceritakan secara terperinci dalam al-Quran perlu melalui proses kejadian manusia seperti penggunaan beberapa istilah seperti من الماء (*Surah al-Furqan* 25:54), من التراب (*Surah al-Anbiya* 21:30), من حماء (*Surah al-Saffat* 37:11), من الطين اللّازب (*Surah al-Rahman* 55:14), سلالة من طين (*Surah al-Rahman* 55:14), مسنون (*Surah al-Hijr* 15:28), من صلصال كالفخّار (*Surah al-Rahman* 55:14), من الأرض (*Surah al-Najm* 53:32), dan فإذا سوّيته (*Surah al-Hijr* 15:29). Tentang proses kejadian pula, al-Quran menceritakannya dengan terperinci, iaitu janin dalam perut ibu, سلالة من ماء مهين, zuriat keturunannya daripada pati air yang hina, وقد خلقكم أطواراً, mencipta kamu berperingkat-peringkat (*Surah al-Sajdah* 32:9, *Surah al-Mu'minin* 23:9, *Surah al-Zumar* 39:6),

﴿ويرى الذين أوتوا العلم الذي أنزل إليك من ربك هو الحق ويهدي إلى صراط العزيز الحميد﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan mengetahui (dengan yakin bahawa keterangan-keterangan) yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu (mengenai hari kiamat dan lain-lainnya) itulah yang benar serta yang memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.

(*Surah Saba* '34:6)

Zamakhari mentakwilkan ayat ويرى الذين أوتوا العلم ini ialah ليعلم الذين أوتوا العلم عند مجيء الساعة. (Zamakhari, 1998, Jilid 5, hlm. 430 – 431). الحق ialah maf'ulun bih pertama dan

*mafulun bih* kedua, kedua-dua *mafulun* ini dipisahkan ayat *من ربك هو* , manakala *ويهدي* *ma`tuf* ke atas *الحقّ* ini kerana *أنّ* yang berserta dengannya disunykikan oleh itu takdirnya *هو* *الحقّ والهداية* atau ayat ini *fasil* atau terpisah antara *mafulun bih* pertama dan kedua.

Sesudah kita pasti bahawa manusia itu mempunyai Pencipta maka perlulah dikaji apakah bahan-bahan dan proses-proses yang digunakan untuk mencipta manusia itu. Disebut proses seterusnya ialah *من سلالة من طين* , iaitu daripada pati yang berasal daripada tanah, perkataan *من* ialah huruf *jar* bermaksud dibuat daripada pati tanah, boleh dikatakan *من* di sini memberi dua makna; pertama, *ibtida`* yang mempunyai tujuan tertentu, kedua menerangkan jenis (Ibid, Jilid 5, hlm. 175 – 176). Sekali lagi perkataan *fiil madhi muta`addi* digunakan, iaitu *جعلناه* *dhomir* di sini menunjukkan kembali kepada manusia dan kejadiannya berasal daripada *سلالة* *الطين* yang pada awalnya digunakan untuk mencipta Nabi Adam yang memberi maksud “Kami jadikan `pati` itu tadi dari setitis air benih *نطفة* , iaitu air mani yang disimpan di tempat yang tetap dan kukuh. *قرار مكنين* merupakan tempat yang kukuh, iaitu tempat di dalam rahim ibu. Pada ayat yang seterusnya *ثمّ خلقنا النطفة علقة* seperti disebutkan sebelum ini perkataan *خلق ta`dda* kepada dua *mafulun bih* , iaitu *نطفة* dan *علقة* (Ibid, Jilid 5, hlm. 177). Di sini terdapat unsur-unsur perubahan proses (*جعل التصيرية*), iaitu dari *النطفة* air mani berubah ke *علقة* , iaitu seketul darah. *علقة* ditafsirkan dalam bentuk bacaan baris di atas yang *infinite* atau disebut hal *nakirah* yang memberi makna bahawa air mani tadi telah berubah bentuk menjadi keadaan ketulan. Perkataan seterusnya ialah *الفاء* yang bererti jawapan kepada proses pembentukan ketulan itu tadi bertukar menjadi proses yang seterusnya *مضعة* yang bererti ketulan daging, juga digunakan dalam bentuk baris di atas atau hal yang bermakna `berada dalam keadaan itu`. Maka *الفاء*

sekali lagi digunakan untuk meneruskan proses yang seterusnya, iaitu pembentukan beberapa ketul tulang yang disebut عظاماً` disebut dalam keadaan jamak menurut Zamakhshari tulang manusia itu banyak. Oleh sebab itulah maka digunakan istilah jamak (Ibid, Jilid 5, hlm. 177). Proses yang seterusnya ialah membungkus ketulan tulang tersebut dengan daging فكسونا العظام`. Setelah sempurna kejadian itu أنشأناه خلقاً` Kami bentuknya menjadi` خلقاً آخر` yang disebut sebagai makhluk. Penggunaan *fiil tafdil* أحسن الخالقين` (Ibid, Jilid 5, hlm. 177) memberi tiga makna. Pertama; بدل من الجلالة, kedua; نعت للجلالة, ketiga; خير مبتدأ مضمّر, iaitu taqdirnya ialah هو أحسن walaupun ini tidak dipersetujui oleh Abu al-Baqa` ini menunjukkan kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta (Ibid, Jilid 5, hlm. 430 – 431).

### **Kesimpulan**

Kejadian Adam a.s telah membuktikan bahawa manusia terawal mempunyai kebolehan berbahasa yang sempurna. Di mana makhluk yang bernama Adam a.s ini mampu melahirkan kosa kata dalam tatabahasa yang tiada had (infinite). Berbeza dengan makhluk yang sebelu itu tidak mampu membina kosa kata yang berangkai. Ini disebabkan pembentukkan daya intelek serta ruh insani itu tidak wujud pada makluk ini. Bukti nyata adalah tamadun tidak terhasil di zaman makhluk-makhluk ini walaupun mereka tealah wujud 25 juta tahun yang silam. Selain itu proses penerimaan ilmu perlu disertakan dengan sikap toleransi dan bersahabat, maka tepatlah perkataan أنس` itu lebih tepat untuk kata perbuatan` manusia` berbanding dengan نسي` yang hanya merupakan sifat semasa sahaja. Adapun kejadian anak-anak Adam a.s iaitu manusia perlu melalui proses yang agak lama untuk melahirkan seorang manusia. Al Quran telah membincangkan perkara ini dengan amat tuntas sekali. Oleh itu bahasa juga merupakan entiti yang perlu melalui proses perubahan bersama-sama pemilik bahasa itu berdasarkan pengaruh semasa yang wujud ketika itu.

## RUJUKKAN

### Al-Quran

Abu Fida`, t.th. *al-Mukhtasar Fi Akhbar al-Basyar*. Kaherah: Maktabah al-Mutanabi`.

Al-Alusi Al-Baghdadi, 1974. *Tafsir Ruh Al-Ma`ani*, Beirut: Ihya` at-Turath Al-Arabi.

Al-Anbari, 1998. *Al-Insof Fi Massi`La Al-Khila Baina An-Nahwiyaini Al-Basriyyina Wal Al-Kufiyyina*. Beirut: Darul al-Kutub.

Aristotle, 1971. *Aristotle`s Categories and De Interpretation*. Diterjemahkan oleh J.L. Ackrill. Oxford: Oxford at the Clarendon Press.

Chomsky, Noam, 1957. *Syntactic Structures*. Hague: Mouton and Co.

Haron Din dan Rakan-rakan, 1985. *Manusia Dan Islam*. Cetakan Pertama, Pulau Pinan: Dorong -UBS Sdn.Bhd.

Ibn Faris, t.th. as-Sahabi, *Tahqiq As-Sayyid Ahmad Saqir*. Kaherah: Isa al-Bab Al-Halbi Sharikahu.

Ibn Hajib, 1986. *al-Idhah Fi Sharh al-Mufassal Li Zamakhshari*, tahqiq Muhammad Uthman, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Ibn Jinni, 1952. *Al-Khasa`is*, edit. Abdul hakim Muhammad, Beirut: Dar al-Kutub al-Arabiyah.

Sibawayh, 1999. *Al-Kitab*. Beirut: Dar al-Kutub al-ilmiah

Zamakhshari, 1998. *Al-Kashaf*, edit Adil Ahmad Abdul al-Maujud, Riyad: Maktabah al-Ubaikan.

Website:

<http://www.yourdictionary.com/command>

<https://www.merriam-webster.com>